

# Amanah: Produk Perancangan Harta Muslim di Wasiyyah Shoppe Berhad

**BITARA**

Volume 3, Issue 3, 2020: 131-140  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Trust: Muslim Property Planning Products in Wasiyyah Shoppe Berhad]

Nur Liyana Izzati Mohd Saufi<sup>1</sup> & Noor Lizza Mohamed Said<sup>1</sup>

### Abstrak

Amanah adalah salah satu cabang daripada instrumen yang boleh diguna pakai oleh Muslim khususnya di dalam perancangan harta. Penawaran produk yang berlatar belakangkan instrumen amanah ini ditawarkan dengan pelantikan pemegang amanah oleh pemilik harta untuk menguruskan hartanya. Instrumen berdasarkan amanah ini juga diguna pakai dalam industri perancangan dan pengurusan harta kepada Muslim yang berminat untuk melakukan perancangan harta. Wasiyyah Shoppe Berhad antara syarikat yang menawarkan produk perancangan harta yang berlandaskan amanah, justeru artikel ini ditulis untuk melihat bentuk produk amanah yang ditawarkan di Wasiyyah Shoppe. Selain itu, untuk melihat konsep amanah Islam yang diaplikasikan di dalam produk amanah yang ditawarkan syarikat ini. Berdasarkan kajian didapati produk amanah yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe ini berdasarkan akad *wakalah bil ujrah* dan *jua'alah*.

### Kata kunci:

Produk Amanah, Wasiyyah Shoppe Berhad, *Wakalah bil Ujrah & Jua'lah*.

### Abstract

Nowadays, trust is one of the instruments used by Muslims in wealth management. Product offering based on this trust instrument is offered through the appointment of trustee by property owner to manage his property. This trust-based instrument is well known in the property planning and management industry for Muslim who is interested to do property planning using trust instrument. Wasiyyah Shoppe Berhad is one of the companies which offer trust-based products. Thus, this article is written to look at the form of trust-based products offered by Wasiyyah Shoppe and to what extent the product complies with the concept of trust in Islam. Based on analysis, trust-based products offered by Wasiyyah Shoppe Berhad are based on *wakalah bil ujrah* and *Jua'alah*.

### Keywords:

Trust product, Wasiyyah Shoppe Berhad, *Wakalah bil Ujrah & Jua'lah*

### Cite This Article:

Nur Liyana Izzati Mohd Saufi & Noor Lizza Mohamed Said. 2020. Amanah: Produk Perancangan Harta Muslim di Wasiyyah Shoppe Berhad. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 131-140.

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

NOOR LIZZA MOHAMED SAID, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: lizza@ukm.edu.my

## Pengenalan

Pada 2016, Jabatan Tanah dan Galian Negara mendedahkan statistik harta beku sudah melebihi RM 60 bilion (Afzan 2019), dan jumlah ini semakin bertambah masa ke semasa. Antara punca kepada tunggakan harta ini adalah pemilik harta yang tidak merancang ke mana hala tuju harta tersebut khususnya selepas berlaku kematian kepada pemilik harta. Untuk orang Muslim, harta yang ditinggalkan akan dibahagikan kepada ahli waris selepas berlaku kematian kepada si mati mengikut sistem faraid . Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir kes faraid yang tidak dapat diselesaikan kerana berlakunya pertelingkahan sesama ahli waris dan waris yang tidak mampu untuk menanggung proses pengurusan pusaka. Oleh itu, untuk mengelakkan masalah ini semakin meruncing, pemilik harta boleh menggunakan perancangan harta sebagai alternatif kepada pemilik harta untuk menguruskan harta semasa hidup dan selepas kematian. Perancangan harta adalah suatu perkara yang tidak boleh diambil ringan, khususnya melibatkan harta orang Islam .Mengambil langkah ke hadapan, syarikat pengurusan harta mempelbagaikan penawaran produk perancangan harta untuk membantu masyarakat dalam memastikan harta diurus dan diagih dengan berhemah. Malah industri kini, turut melakukan penerokaan produk yang berstruktur syariah. Antara yang ditawarkan ialah produk-produk yang bertunjangkan instrumen wasiat, hibah, amanah dan beberapa instrumen lain.

Wasiyyah Shoppe Berhad adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan sejak 2004 dengan visi syarikat untuk menjadi organisasi perancangan harta dan pengurusan pusaka patuh syariah yang utama di Malaysia yang memberikan perkhidmatan peribadi yang cemerlang kepada pelanggan (Wasiyyah Shoppe 2019). Hasilnya syarikat ini telah menjadi antara syarikat peneraju di dalam industri perancangan harta pusaka dengan menawarkan pelbagai produk-produk perancangan harta pusaka yang selari dengan kehendak masyarakat. Antara produk yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe ialah produk hibah, *al-Mutahabah*, *al-Wasitah* dan beberapa perkhidmatan lain yang ditawarkan. Kini, Wasiyyah Shoppe telah mengorak langkah dengan menawarkan produk perancangan harta yang berunsurkan amanah setelah syarikat ini memperolehi status syarikat amanah pada 2018. Dengan ini, Wasiyyah Shoppe Berhad boleh dilantik sebagai *wasi*, pemegang amanah dan penjaga harta kepada kanak-kanak melibatkan harta alih atau harta tidak alih.

Wasiyyah Shoppe Berhad menawarkan pemegangan harta secara amanah melibatkan harta seperti wang tunai yang diserah milik, Amanah Saham Nasional Berhad, perlantikan Wasiyyah Shoppe Berhad sebagai pemegang amanah, *Central Depository System* dan hartanah yang tidak bercagar. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah syarikat perancangan harta yang melibatkan transaksi harta Muslim, produk yang ditawarkan haruslah bertepatan dengan garis panduan yang telah diberikan oleh syarak. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat produk amanah yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad dan mengkaji konsep amanah yang diguna pakai di dalam produk amanah yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad.

## Konsep Amanah

Pentakrifan amanah boleh difahami sebagai perletakkan tanggungjawab oleh seseorang atau entiti yang sah iaitu pemilik harta. Pemilik harta sebagai pemberi amanah menyerahkan

pemilikan hak asetnya kepada individu atau institusi untuk kepentingan benefisiarinya yang tertentu (Zamro Muda 2018).

Amanah jika dilihat dari sudut pandang kontrak pula adalah sebuah pertolongan yang berlaku pada awalnya apabila seseorang meminta pertolongan daripada pihak lain untuk melaksanakan urusannya tanpa dijanjikan balasan (Noor Lizza et al. 2019). Setiap bentuk pengamanahan yang dibuat sama ada melibatkan harta alih atau tidak alih mestilah memenuhi elemen yang terdapat di dalam amanah. Setiap urusan melibatkan amanah mestilah jelas tanpa sebarang bentuk kesamaran atau ketidakpastian baik dari segi harta ataupun benefisiari (Salleh Buang 2006). Elemen yang digariskan di dalam amanah bermula dengan:

1. Kewujudan suatu pihak yang membuat amanah.
2. Kewujudan pemegang amanah dari kalangan individu atau institusi.
3. Benefisiari atau penerima harta amanah
4. Adanya harta untuk diamanahkan berbentuk harta alih atau tidak alih.

Harta yang diamanahkan akan dipertanggungjawabkan di bawah pegangan pemegang amanah sebagai individu yang bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan harta tersebut mengikut persetujuan yang diamanahkan kepadanya (Akmal Hidayah & Tajul Aris 2017). Kehadiran pemegang amanah merupakan antara elemen yang mesti ada apabila membincangkan tentang amanah. Pemegang amanah diistilahkan sebagai individu atau institusi yang diberi tanggungjawab oleh pemberi dan penerima amanah sebagai pengurus dan pentadbir aset amanah (Othman Yaacob 2006).

Pemegang amanah yang dilantik untuk menguruskan harta yang diamanahkan ini mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Menurut Salleh Buang (2006), pemegang amanah mestilah mematuhi segala terma yang dipersetujui dalam surat ikatan amanah, menyimpan dan menyelenggara akaun amanah dengan baik, mematuhi segala had yang ditentukan, bertindak secara jujur dan tidak memihak kepada pihak tertentu. Pemegang amanah juga hendaklah memberi makluman kepada benefisiari semasa mentadbir harta amanah, adil dengan semua benefisiari, melaksanakan segala amanah, dan mematuhi batasan sebagai pemegang amanah.

Setiap urusan yang dilakukan oleh pemegang amanah terikat dengan surat ikatan amanah atau *trust deed* di mana terkandungnya segala syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak selain pemberian kuasa kepada pemegang amanah untuk pihak benefisiari. Terma dan syarat yang diletakkan dan dipersetujui dalam surat ikatan amanah ini mestilah tidak bertentangan dengan undang -undang semasa.

Undang-undang amanah yang dilaksanakan ini mendatangkan manfaat khususnya kepada benefisiari, kerana berlakunya pemindahan milik harta dan dipegang oleh satu pihak bagi manfaat pihak yang dilindungi seperti kanak-kanak, orang tidak siuan dan sebagainya (Salleh Buang 2006).

## Pembentukan Amanah dalam Islam

Pembentukan amanah di dalam Islam boleh terbentuk tanpa majlis akad yang khusus namun kontrak ini tetap memerlukan persetujuan daripada pemberi dan pemegang amanah (Nasrul Hisyam 2011;Noor Lizza et al 2019). Pembentukan amanah di dalam Islam boleh terjadi di dalam beberapa bentuk akad muamalat iaitu *wadi'ah*, *wakalah* dan *wisayah* (Zamro Muda 2018, Akmal Hidayah & Tajul Aris 2017). Perbezaan aplikasi dan hukum antara ketiga -tiga akad pengamanahan ini memberikan impak hukum yang berbeza terhadap amanah yang dilakukan.

*Wadi'ah* ialah perletakkan sesuatu barang kepada seseorang yang bukan pemilik kepada harta tersebut untuk dijaganya (al-Khin et al 2014). *Wadi'ah* yang diterapkan di dalam pengamanahan harta ini berlaku apabila seseorang pemilik harta meminta pihak yang diamanahkan untuk menjaga harta untuk memegang dan menyimpan hartanya. Secara tidak langsung pihak yang diminta untuk menjaga harta tersebut adalah pemegang amanah kepada harta tersebut Pihak yang dilantik sebagai pemegang amanah hendaklah melaksanakan amanah tersebut mengikut persetujuan antara kedua-dua belah pihak. Pemegang amanah tidak perlu bertanggungjawab atas kecurian atau kerosakan harta yang diamanahkan yang bukan berpunca dari kecuaian pemegang amanah itu sendiri selagi mana pemegang amanah tidak menggunakan harta tersebut. Pemegang amanah yang diberikan izin oleh pemilik harta boleh menggunakan harta yang diamanahkan namun hendaklah dipastikan harta yang digunakan tersebut terjamin dan bentuk pengamanahan ini dikenali sebagai *wadiyah yad' dhamanah* (Nasri Hussain et al 2013).

Selain itu, amanah di dalam Islam juga boleh berlaku dalam bentuk perwakilan atau *wakalah*. Pemegangan amanah ini berlaku apabila pemilik harta mewakilkan pemegang amanah yang dilantik sama ada individu atau syarikat amanah untuk menguruskan harta dengan persetujuan antara kedua-dua pihak tersebut. Pegangan harta amanah melalui *wakalah* ini hanya berbentuk perwakilan, harta yang diamanahkan kepada pemegang amanah tersebut tidak berpindah milik kepada pemegang amanah dan masih di bawah pemilikan pemilik harta (Noor Lizza et al 2019). Pemilik harta dan pemegang amanah perlu mematuhi rukun dan syarat yang terdapat di dalam *wakalah*. Amanah yang dibentuk akan terbatal apabila terdapat kematian antara salah satu daripada pihak yang berakad (al-Zuhayli 1996) atau terdapat perlanggaran kepada syarat dan rukun yang terdapat di dalam *wakalah*. Atas perlaksanaan tugas yang diamanahkan kepadanya, pemegang amanah berhak untuk mengenakan bayaran atau upah ke atas perkhidmatannya dan di dalam muamalat dikenali sebagai *wakalah bil ujrah*.

Pemilik harta juga boleh melakukan pengamanahan harta yang berkuatkuasa selepas kematianya iaitu *wisayah*. Perlaksanaan amanah tersebut hanya berkuatkuasa selepas kematian pemilik harta. Asasnya *wisayah* dan *wakalah* adalah dua bentuk amanah yang sama di mana mewakilkan seseorang untuk menjadi pemegang amanah kepada hartanya, namun waktu perlaksanaan kedua-dua jenis amanah ini adalah berbeza. *Wisayah* adalah pegangan amanah yang hanya berlaku selepas kematian pemilik harta manakala *wakalah* adalah pengamanahan yang berlaku ketika pemilik harta masih hidup.

*Wisayah* tidak terbatas kepada perwalian dan penjagaan kepada golongan yang tidak mempunyai kelayakan sahaja (Mat Nor Mat Zain 2008) seperti kanak-kanak, orang gila dan

anak yatim sahaja. Bahkan arahan untuk melangsaihan hutang dan penjelasan hak juga boleh dilakukan melalui *wisayah*. Amanah melalui *wisayah* ini jika dilihat secara teori menyerupai konsep *trust sivil* yang sedia ada namun akad ini mempunyai rukun dan syarat yang perlu dipatuhi supaya akad pengamanahan jenis ini adalah sah menurut perundangan Islam. Antara syarat yang diberikan penekanan di dalam *wisayah* adalah pemegang amanah yang dilantik hendaklah Muslim maka pemilik harta hendaklah melantik orang Islam atau syarikat kepunyaan Muslim supaya pengamanahan ini sah di sisi syarak (Nasrul Hisyam 2012).

## Produk Amanah dalam Wasiyyah Shoppe Berhad

Kewujudan produk-produk yang berasaskan amanah ini dilihat dapat memenuhi keperluan masyarakat khususnya kepada pemilik harta yang mempunyai benefisiari yang masih berumur bawah 18 tahun atau yang tidak berkemampuan untuk menguruskan harta. Oleh kerana itu, perlunya kepada pelantikan pemegang amanah untuk menguruskan harta tersebut. Selain itu, produk amanah ini juga dilihat bersesuaian untuk digunakan sebagai instrumen kepada pemilik harta yang mahukan sebahagian hartanya tidak diagihkan kepada waris tetapi diuruskan secara profesional supaya harta tersebut digunakan untuk menjana pendapatan dan dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

Wasiyyah Shoppe Berhad menawarkan produk-produk amanah, di mana syarikat ini bertindak sebagai pemegang amanah yang dilantik untuk menguruskan segala harta yang diamanahkan. Namun setiap tindakan atau urusan yang melibatkan harta yang diamanahkan adalah terikat dengan surat ikatan amanah. Antara produk amanah yang ditawarkan pertamanya ialah melibatkan *living trust*. *Living trust* ialah satu bentuk amanah yang dilakukan oleh pemilik harta ketika hayatnya dan amanah dari jenis ini dikenali sebagai *intervivos*. Produk ini akan berkuatkuasa serta merta setelah surat ikatan amanah yang mengandungi segala terma dan syarat agihan ditandatangani oleh pembuat amanah. Harta yang diamanahkan tersebut mestilah diserahkan kepada Wasiyyah Shoppe Berhad yang dilantik sebagai pemegang amanah.

Amanah boleh dilakukan melibatkan harta alih atau harta tidak alih. Begitu juga di dalam penawaran produk amanah yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad iaitu penawaran akuan amanah yang melibatkan harta alih dan harta tidak alih. Bagi harta alih (tunai) produk yang ditawarkan pertamanya ialah Amanah Ri'ayah, yang kedua Amanah Nawfal, diikuti dengan Amanah Tujjar, seterusnya Kasihku dan Isti'man (Luqman Hakim 2019).

### Amanah Ri'ayah

Amanah Ri'ayah yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad adalah sebuah produk untuk perlindungan dan pemeliharaan kepada pemilik harta, waris atau mana-mana individu yang dikehendaki. Produk ini disasarkan kepada individu perseorangan sahaja namun benefisiari bagi produk Amanah Ri'ayah ini tidak dihadkan kepada waris atau individu tertentu yang berhak seperti anak bawah umur, anak kelainan upaya dan pasangan. Bahkan pemberi amanah juga boleh meletakkan diri sendiri sebagai benefisiari jika berlaku kecacatan kekal. Selain itu, pemilik harta berpeluang untuk melakukan amal jariah atau *infaq* dengan menggunakan

hartanya untuk peruntukan amal jariah atau *infaq* harta yang terdapat di dalam produk Amanah Ri'ayah.

## Amanah Nawfal

Produk Amanah Nawfal atau makna lainnya pemurah ialah produk yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad kepada individu dan badan korporat. Tujuan produk ini ditawarkan ialah supaya pemilik harta boleh menginfakkan hartanya atau melakukan amal jariah di dalam hartanya dengan perantaraan Wasiyyah Shoppe Berhad. Benefisiari bagi harta amanah ini ialah individu atau institusi yang menerima harta *infaq* tersebut. Pemberi amanah boleh memilih untuk memberikan *infaq* tersebut sama ada kepada anak yatim, masjid, pusat tahlif, persatuan atau sesiapa yang dikehendaki oleh pemilik harta. Pemilik harta boleh menggunakan surat ikatan amanah untuk meletakkan arahan atau syarat di dalam mengagihkan harta yang diinfaqkan di dalam surat ikatan amanah dan Wasiyyah Shoppe Berhad akan mematuhi arahan tersebut.

## Amanah Tujjar

Produk Amanah Tujjar ini juga dikenali sebagai amanah korporat. Produk ini adalah sebahagian daripada produk amanah yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad. Pemberi amanah bagi produk ini ialah entiti perniagaan, di mana produk ini ditawarkan khusus kepada syarikat. Produk amanah Tujjar ini turut dikenali sebagai *sinking fund* yang berfungsi untuk kegunaan syarikat setelah kematian pengarah syarikat yang bertanggungjawab untuk menguruskan urusan keluar masuk wang syarikat sama ada untuk perbelanjaan syarikat, pembayaran gaji pekerja dan pengurusan perniagaan yang memerlukan keizinan dari pengarah syarikat. Perlaksanaan produk ini bermula dengan syarikat menyerahkan beberapa jumlah wang bertujuan untuk diperuntukkan bagi tabung ini kepada Wasiyyah Shoppe Berhad yang berperanan sebagai pemegang amanah. Wasiyyah Shoppe Berhad akan menggunakan tabung ini jika berlaku kematian kepada pengarah syarikat. Penggunaan produk amanah Tujjar ini dilihat dapat mengelakkan urusan syarikat yang tergendala, baik dari segi pembayaran gaji pekerja maupun transaksi keluar masuk wang yang memerlukan tandatangan daripada pengarah syarikat. Dana yang diperuntukkan akan digunakan oleh Wasiyyah Shoppe sebagaimana yang dipersetujui di dalam surat ikatan amanah antara kedua-dua belah pihak iaitu pemberi amanah dan pemegang amanah. Produk Amanah Tujjar ini dilihat sebagai satu inisiatif kepada industri korporat dalam membuat perancangan hala tuju syarikat setelah kematian pengarah syarikat supaya urusan syarikat berjalan seperti biasa.

## Kasihku

Produk Kasihku ini dikhurasukan kepada dana Amanah Saham Nasional Berhad.. Pemilik harta sebagai pemberi amanah dan Wasiyyah Shoppe Berhad akan mengikat perjanjian dalam surat kuasa wakil atau *power of attorney*. Ia adalah instrumen yang memberikan kuasa kepada pemegang amanah untuk bertindak bagi pihak pemilik harta (Othman Yaacob 2006) untuk

menuntut aset daripada Amanah Saham Nasional Berhad. Pemilik harta boleh membuat pilihan sama ada melantik Wasiyyah Shoppe Berhad atau waris sebagai wakil untuk menuntut dana dari Amanah Saham Nasional Berhad. Setelah penuntutan dana dari Amanah Saham Nasional Berhad, dana tersebut akan diagihkan mengikut kehendak pemilik harta. Wasiyyah Shoppe Berhad atau waris boleh dilantik sebagai pemegang amanah kepada dana tersebut dan akan diagihkan mengikut kehendak pemilik harta seperti yang termeterai dalam surat ikatan amanah.

## Isti'man

Produk Isti'man ini dikhurasukan kepada pemilik harta yang melanggan takaful. Selepas pewartaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, peserta takaful mempunyai tiga pilihan dalam memilih kaedah pembayaran takaful (Hadi Abd Hamid 2014):

1. Melantik penama yang bertindak sebagai *wasi* untuk mengagihkan manfaat takaful berdasarkan faraid.
2. Penama dilantik sebagai benefisiari dengan menggunakan hibah bersyarat.
3. Menyerah hak manfaat kepada pemegang serah hak di bawah penyerahan mutlak.

Perbezaan antara pembahagian manfaat takaful adalah penama atau *wasi* yang dilantik wajib membahagikan harta tersebut mengikut faraid. Berbeza dengan benefisiari atau pemegang serah hak, manfaat takaful yang diperolehi adalah miliknya tanpa perlu diagihkan kepada waris. Wasiyyah Shoppe Berhad menawarkan produk pra-hibah takaful kepada peserta takaful dengan menghibahkan polisi kepada penama. Penama yang dilantik bertanggungjawab untuk membahagikan manfaat takaful kepada waris mengikut pembahagian yang dikehendaki oleh peserta takaful setelah berlaku kematian atau kecacatan fizikal kepada peserta takaful (Ariffin Sabirin 2017). Selain itu, peserta takaful juga diberi pilihan untuk menggunakan *absolute assignment takaful*, penyerahan manfaat takaful secara terus kepada Wasiyyah Shoppe Berhad. Pembahagian manfaat kepada waris akan dilakukan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad mengikut kadar pembahagian yang dipersetujui di dalam surat ikatan amanah.

Terdapat perbezaan antara produk hibah takaful dan *absolute assignment* yang ditawarkan, iaitu peserta takaful tidak boleh membatalkan *absolute assignment* tanpa kebenaran dari Wasiyyah Shoppe Berhad. Ini adalah kerana Wasiyyah Shoppe Berhad ialah pihak yang dilantik untuk mengendalikan manfaat takaful tersebut. Peserta takaful boleh memberikan arahan di dalam surat ikatan amanah seperti manfaat takaful yang diperolehi tersebut digunakan untuk membayar hutang dan menetapkan benefisiari yang berhak untuk menerima manfaat takaful tersebut. Malah, peserta takaful boleh mengarahkan Wasiyyah Shoppe Berhad untuk melaksanakan tanggungjawab seperti peruntukan perbelanjaan sara diri untuk pembelian barang keperluan, dan perubatan jika berlaku kecacatan kekal kepada peserta takaful (Sri Ayu Amri 2018).

## Amanah Hartanah

Produk amanah hartanah ini ialah produk amanah yang melibatkan harta tak alih. Produk ini, melibatkan hartanah yang diamanahkan oleh pembuat amanah kepada Wasiyyah Shoppe Berhad. Syarikat ini menawarkan produk Amanah Hartanah kepada dua jenis hartanah, pertamanya ialah hartanah yang mendatangkan hasil (*income bearing*) seperti kebun dan ladang. Hartanah yang kedua ialah hartanah yang tidak mendatangkan hasil (*non-income bearing*) seperti rumah yang diduduki oleh pemilik harta yang tidak akan mendatangkan hasil. Hartanah yang diamanahkan kepada Wasiyyah Shoppe Berhad akan diuruskan dan hasil yang diperolehi akan dibahagikan mengikut kehendak pemilik harta.

## Penetapan Produk Amanah yang Ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad dengan Akad *Wakalah & Jua'alah*

Sebagai sebuah syarikat peneraju di dalam bidang perancangan harta, Wasiyyah Shoppe menawarkan produk amanah kepada Muslim yang mematuhi hukum syarak. Produk amanah yang ditawarkan oleh syarikat ini adalah berteraskan akad *wakalah bil ujrah* dan *jua'lah* (Wasiyyah Shoppe Berhad 2019). Dalam memastikan sesuatu akad muamalat sah mengikut syarak, hendaklah dipastikan pematuhan kepada segala rukun dan syarat yang ada di dalam sesuatu transaksi. Sementelah, produk amanah yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad menggunakan akad *wakalah* dan *jua'alah* di dalam produk amanahnya, maka hendaklah dipastikan segala rukun yang ada di dalam akad ini dipenuhi. Di bawah penawaran produk amanah yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad, proses mengamanahkan harta dimulai dengan pemilik harta sebagai pembuat amanah akan meletakkan hartanya di bawah pengurusan berdasarkan produk amanah yang ingin digunakan. Proses seterusnya, pemilik harta akan melantik Wasiyyah Shoppe Berhad sebagai pemegang amanah untuk menguruskan harta pengamanahan. Pemegang amanah yang dilantik adalah wakil yang akan menguruskan segala harta yang diamanahkan oleh pewakil sebagai pemilik harta termasuk dokumen yang berkaitan dengan pengamanahan tersebut.

Sebagai dua pihak yang menggunakan kontrak perwakilan, syarat-syarat yang ditetapkan di dalam *wakalah* mestilah dipenuhi. Pemilik harta sebagai pembuat amanah hendaklah layak untuk menguruskan harta yang diamanahkan (Nasri Hussain et al 2013). Perlantikan Wasiyyah Shoppe sebagai pemegang amanah dilihat bertepatan dengan syarat yang ditetapkan di dalam *wakalah* iaitu berkemampuan mempunyai pengetahuan berkenaan perkara yang diwakilkan. Harta yang diamanahkan oleh pemilik harta adalah perkara yang diwakilkan oleh pemilik harta kepada Wasiyyah Shoppe Berhad, malah harta yang diwakilkan oleh pemilik amanah akan dipastikan adalah milik sebenar pembuat amanah untuk mengelakkan perwakilan dan amanah ini bertentangan dengan undang-undang.. Setelah berlaku persetujuan untuk melantik Wasiyyah Shoppe Berhad sebagai wakil yang dilantik oleh pemilik harta dianggap, akad perwakilan telah berlaku dan Wasiyyah Shoppe Berhad adalah wakil yang akan menguruskan harta yang diamanahkan tersebut. Sebagai wakil yang dilantik Wasiyyah Shoppe Berhad berhak untuk memperolehi ganjaran di atas harta yang dipertanggungjawabkan di bawahnya.

Sebagai dua pihak yang mengikat kontrak, Wasiyyah Shoppe Berhad sebagai pemegang amanah berhak mendapat imbalan ke atas harta yang dipertanggungjawabkan. Lafaz *sighah* di dalam *jua'lah* ini agak berbeza dengan akad yang lain kerana tidak memerlukan persetujuan daripada pihak yang melakukan pekerjaan, cukup hanya dengan *ijab* daripada pemilik kerja (al-Khin 2014). Maka aplikasi di dalam pengamanahan harta di dalam Wasiyyah Shoppe Berhad cukup dengan lafaz dari pemilik harta bahawa pemegang amanah akan diberikan ganjaran atas pengamanahan harta.

## Kesimpulan

Wasiyyah Shoppe Berhad merupakan salah satu syarikat peneraju di dalam bidang perancangan harta. Syarikat ini terus mengorak langkah dengan menawarkan produk-produk amanah setelah bertukar status kepada Syarikat Amanah 2018. Jika sebelum ini, syarikat ini hanya menjadi fasilitator atau pembimbing kepada pemilik harta, namun kini syarikat ini boleh menjadi *wasi* atau pemegang amanah. Namun dalam kesempatan menawarkan produk amanah kepada masyarakat, setiap sisi dan aspek di dalam amanah harus dipatuhi agar tidak berlaku pelanggaran kepada hukum syarak. Berdasarkan penelitian pengkaji, produk amanah yang ditawarkan Wasiyyah Shoppe Berhad adalah bertepatan dengan akad amanah yang digunakan iaitu *wakalah bil ujrah* dan *jua'alah*.

## Rujukan

- Akmal Hidayah Halim, Tajul Aris Bustani. 2017. Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam di Malaysia. *Jurnal Kanun* 29(2): 90-115.
- Akta Pemegang Amanah 1949.
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
- Akta Syarikat Amanah 1949.
- Ariffin Sabirin. 2017. Antara penama dan benefisiari polisi takaful, pusaka. *Utusan Online*. 10 April.
- Ariffin Sabirin. 2019. Takaful jamin nasib waris. *Utusan Online*. 6 Julai.
- Azzman Abdul Jamal. 2018. Wasiyyah Shoppe peroleh status syarikat amanah. *Berita Harian*. 20 April.
- al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & al-Sharbaji, 'Ali. 2014. *Fiqh al-Manhaji Muamalat & Kewangan Islam dalam Fiqh al-Syafi'i*. Terj. Zulkifli Mohamad al-Bakri. Selangor: Darul Syakir.
- Luqman Hakim Mohd Razi. 2019. Produk amanah di Wasiyyah Shoppe Berhad. Temu bual, 23 April.
- Mat Noor Mat Zain. 2008. Kuasa wasi dalam pengurusan harta menurut Islam. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf* 2008. Hlm. 281-304.
- Mohamed Hadi Abd Hamid. 2014 .Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013: Tinjauan Awal Kesannya Dalam Industri Takaful. *Jurnal kanun* 26(2): 1-14.

- Mohd Zambro Muda. 2018. Hibah Amanah daripada Perspektif Perundangan & Syarak. Kertas Kerja *Executive Talk: Isu-isu dalam perbankan & kewangan Islam*. Anjuran bahagian latihan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Shah Alam, 17 April.
- Muhammad Nasri Md Hussain, Nasri Naiimi, Mohd Sollehudin Mohd Shuib. 2013. *Mengurus Harta Menurut Fiqh Muamalat*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2012. *Wasiat & Wisayah dalam Perancangan Harta Prinsip dan Amalan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2011. *Hibah dalam Undang-Undang Islam Prinsip dan Amalan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor Lizza Mohamed Said, Wan Amirul Adli Wan Ayub, Mohd Zamro Muda, Adnan Mohamed Yusoff & Mohd Izhar Ariff Mohd Kahshim. 2019. Pengamanahan dalam Perancangan dan Pengurusan Harta Orang Islam. *Islamiyat* 41(2): 71-79.
- Nor Afzan Mohamad Yusof. 2019. Usah ambil mudah persoalan wasiat, pengurusan harta selepas mati. *Berita Harian*. 19 Jun.
- Othman Yaacob. 2006. Pembentukan trust hibah sebagai alternatif perancangan harta. Dalam. Siti Mashitah Mahamood (pnyt). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*. hlm 171. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Salleh Buang. 2006. Pembentukan Harta Amanah Mengikut Undang-undang di Malaysia: Sejauh Manakah Undang-undang Islam Terpakai. Dalam. Siti Mashitah Mahamood (pnyt). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*. hlm 51. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sri Ayu Kartika Amri. 2018. Wasiyyah Shoppe perkenal perkhidmatan Isti'man *Berita Harian*. 27 Nov.
- Wasiyyahshoppe.com.my (19 Mei 2019)
- al-Zuhayli, Wahbah Mustafa. 1996. *Fiqh dan perundangan Islam*. Terj. Ahmad Shahbari Salamon. Jil. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.